

25 MAR 1999

Mahathir-lawatan

LAWATAN DR MAHATHIR KE NEGERI HANGATKAN ISU PILIHAN RAYA

Oleh: Azman Ujang

ALOR SETAR, 25 Mac (Bernama) -- Ibu negeri Kedah ini kelihatan seperti mengadakan satu raptai pilihan raya umum walaupun tarikh sebenarnya masih menjadi tandatanya.

Hanya dua minit perjalanan dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, satu bendera besar PAS kelihatan berkibar pada sebatang tiang dalam sawah padi.

Bendera itu menarik perhatian bukan saja kerana saiznya tetapi kedudukannya -- ia dipasang bertentangan dengan kediaman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Titi Gajah.

Walaupun terdapat satu bendera Barisan Nasional di hadapan rumah Perdana Menteri itu, ia nampak kecil dibandingkan dengan bendera PAS itu yang berukuran 30 kaki panjang. Menurut seorang penyokong parti itu, bendera itu yang terbesar pernah mereka buat.

"Ia dinaikkan dua hari sebelum ketibaan Dr Mahathir seolah-olah menunjukkan bahawa PAS sudah sedia menghadapi pilihan raya umum," kata seorang pemandu teksi berhubung lawatan Perdana Menteri ke seluruh negara yang bermula Ahad lepas.

Di tempat lain, bendera kedua-dua parti khususnya PAS, dikibarkan di pokok dan juga pada bot nelayan.

Dr Mahathir memanaskan lagi suasana pilihan raya, yang perlu diadakan sebelum April tahun depan, apabila beliau berucap di hadapan beribu-ribu orang yang beliau sendiri anggkarkan 50,000, yang membanjiri Stadium Darulaman.

"Ini adalah perhimpunan paling besar yang pernah saya hadir. Tidak banyak negara yang boleh menyaksikan 50,000 orang daripada pelbagai kaum berhimpun secara aman seperti ini," kata beliau disambut tepukan gemuruh.

Mereka yang hadir itu kebanyakannya penyokong BN dari seluruh negeri yang tiba ke stadium itu dengan bas sewa atau kenderaan sendiri.

Tema ucapan Dr Mahathir pada perhimpunan itu hampir serupa dengan apa yang sering dikatakannya dalam kempen pilihan raya Sabah baru-baru ini -- bahawa keamanan dan keharmonian kaum tidak akan wujud jika parti pelbagai kaum seperti BN tidak berkuasa.

Beliau kemudian membidas PAS yang katanya telah melancarkan kempen "Bencikan Mahathir" serta menuduh parti itu cuba menggalakkan demonstrasi jalanan dengan menggunakan golongan pelajar.

"Jangan cetuskan huru-hara di Malaysia. Orang Melayu di negara ini dahulunya bersatu. Tetapi dengan kewujudan PAS dan cara pemimpin-pemimpin menimbulkan perselisihan di kalangan umat Islam, orang Melayu kini berpecah, dicincang dan hampir berkecai," katanya.

Dalam banyak-banyak kain rentang di stadium itu, terdapat satu yang hanya tertulis "6-0" sehingga menarik perhatian Dr Mahathir.

"Saya nasihatkan PAS supaya belajar daripada keputusan yang ada di depan saya ini. Enam kosong," kata beliau, merujuk kepada kesemua enam calon PAS yang tewas teruk serta hilang wang deposit pada pilihan raya Sabah yang lepas.

Dr Mahathir berkata tujuan lawatannya ke seluruh negara ialah "untuk menunaikan tanggungjawab beliau untuk menjelaskan kepada semua negeri dan berjumpa rakyat untuk menerangkan apa yang sebenarnya berlaku".

Pemerhati politik berpendapat pemilihan Kedah bagi memulakan siri lawatan beliau itu mungkin ada kaitan dengan perkembangan bahawa PAS berazam benar untuk meluaskan pengaruhnya di negeri itu.

Pelantikan bekas Menteri Besar Tan Sri Osman Arof sebagai wakil peribadinya di Kubang Pasu, kawasan parlimen yang diwakili Dr Mahathir, juga dilihat satu perkembangan besar.

Kubang Pasu menjadi sebutan kebelakangan ini ekoran laporan media bahawa Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, isteri bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, berhasrat menjadikan kawasan itu sebagai pangkalan untuk melancarkan kerjaya politiknya.

Kedengaran cakap-cakap bahawa beliau akan mencabar Dr Mahathir di Kubang Pasu dalam pilihan raya akan datang, lebih-lebih lagi setelah Wan Azizah menarik sekitar 30,000 orang pada satu perhimpunan bulan lepas.

"Orang selalu bertanya sama ada saya akan bertanding di Kubang Pasu. Jika mereka mahukan saya bertanding, saya akan turut kehendak mereka," kata beliau pada satu perhimpunan.

Ketika ditanya oleh pemberita sama ada beliau akan bertanding sebagai calon PAS atau parti lain, beliau sekadar berkata : "Tunggulah. Ia masih rahsia."

Dr Mahathir tidak kisah sangat dengan cabaran itu dan di akhir lawatannya, menolak andaian oleh pembangkang kononnya beliau terpaksa mencari kawasan "selamat".

"Tidak ada sebab kenapa saya perlu berganjak dari Kubang Pasu. Kita tengoklah nanti siapa yang bercakap benar, sama ada PAS atau saya," katanya kepada pemberita.

Presiden PAS Datuk Fadzil Noor mengakui bahawa parti itu sedang cuba meluaskan pengaruhnya di Kedah dan menetapkan sasaran untuk membentuk kerajaan negeri pada pilihan raya kali ini.

"Kedah ialah antara negeri sasaran kami. Bendera kami berkibar bukan saja di Kedah tetapi di seluruh Semenanjung Malaysia selaras dengan semangat baru rakyat yang mahukan perubahan," katanya kepada Bernama di Kuala Lumpur.

Katanya PAS sudahpun bersedia menghadapi pilihan raya dan hanya menunggu masanya saja.

Fadzil juga menyifatkan sebagai amat menarik daripada segi politik, pelantikan Osman sebagai wakil peribadi Dr Mahathir di Kubang Pasu, yang telah dinamakan "Kubang Pas" oleh akhbar PAS Harakah.

"Osman digugurkan sebagai Menteri Besar oleh Dr Mahathir tetapi kini perdana menteri mendapati pula dia berguna untuk menangkis kekuatan PAS di kawasan itu," katanya.

Fadzil juga berkata PAS menerima banyak permohonan daripada anggota Umno di kawasan itu untuk menyertainya.

Dr Mahathir yang berlepas ke Mekah semalam untuk menunaikan fardu haji, akan berehat selama seminggu sebelum meneruskan lawatannya ke seluruh negara.

Walaupun Perdana Menteri berkata pilihan raya masih jauh kerana beliau belum selesai melawat semua negeri, pemerhati politik berkata lawatan itu merupakan petanda bahawa pilihan raya akan diadakan tidak lama lagi.

Negara pasti dihinggapi semula demam pilihan raya sebaik saja Dr Mahathir pulang nanti untuk meneruskan kunjungannya ke seluruh negara.

-- BERNAMA

AU MAI